



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES  
Aras 1,3,4 & 5, Blok D4, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 W.P. Putrajaya  
Malaysia

Telefon : 603-8000 8000  
Faks : 603-8889 2443  
Laman Web : [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)

Ruj. Tuan : -  
Ruj. Kami : JKPK IS/127/682/1/2019-339  
Tarikh : 27 OGOS 2019

Pengarah,  
**HM CRYOGENICS SDN BHD**  
No. 26-G & 26-1, Block 5C,  
Plaza Jelutong, Persiaran Gerbang Utama, Bukit Jelutong,  
40150 Shah Alam,  
Selangor.

Tuan,

**Kelulusan Tambahan Skop Pendaftaran Firma Yang Diiktiraf Sebagai Syarikat Pembalikpulih Dandang Stim**

No. Pendaftaran : BT 21 / 614  
Tempoh Kelulusan : 20 Ogos 2019 hingga 29 Oktober 2021

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan tuan berhubung dengan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini meluluskan permohonan tambahan skop pendaftaran syarikat tuan seperti berikut -

- i) SBR01 - **Pembalikpulih Dandang Stim (Skop Baru)**
- ii) PVM01 - **Pembuat Bejana Tekanan Tidak Berapi (Skop Terkini)**
- iii) PVR01 - **Pembalikpulih Bejana Tekanan Tidak Berapi (Skop Terkini)**

3. Kelulusan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah :-

- i. Jabatan ini hendaklah diberitahu sekiranya ada sebarang pertukaran/tambahan/pemindahan pada pegawai, jentera dan premis yang sedia ada. Jabatan ini boleh membatalkan pendaftaran ini jika pihak tuan gagal memaklumkan dengan segera;
- ii. Sebelum kerja-kerja pembuatan dan baikpulih boleh dijalankan, pihak tuan hendaklah mendapatkan kelulusan dari Jabatan ini terlebih dahulu ;
- v. Segala prosedur kerja-kerja pembuatan dan baikpulih mestilah mengikut apa yang dinyatakan di dalam 'Quality Control Manual' yang telah disemak dan diterima oleh Jabatan ini dan sebarang perubahan yang akan dilakukan pada 'Quality Control Manual' mestilah mendapat kelulusan dari Jabatan ini ;
- vi. Semua kerja-kerja kimpalan hendaklah dibuat oleh pengimbal syarikat tuan mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (Welding Procedure Specification) yang diluluskan oleh Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini. Semua kerja-kerja kimpalan juga



ISO 9001 CERTIFIED  
Cert No : Q-007/14



MS 1722 & OHSAS 18001 CERTIFIED  
Cert No : D-014/09  
Cert No : D-015/09

- perlu dijalankan di bawah penyeliaan dan kawalan yang rapi oleh pihak kawalan mutu tuan sendiri dan semua rekod-rekod kimpalan mestilah disimpan dengan baik ;
- vii. Pihak tuan dikehendaki mengambil perhatian terhadap **rekod kerja** setiap projek yang dijalankan. Antaranya termasuk :-

- a. Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS)
- b. Rekod Ujian Kelayakan Pengimpal (WQT)
- c. Rekod Ujian Hidrostatik (JKJ 127)
- d. Rekod Kimpalan Ke Atas Bejana Tekanan Tak Berapi (Kej. 175A)
- e. Rekod Pengurusan Keselamatan;

Semua rekod kerja perlu disimpan dengan sempurna untuk semakan Jabatan ini dari semasa ke semasa. Rekod-rekod ini juga akan disemak semasa membuat permohonan pembaharuan pendaftaran pada masa akan datang.

- viii. Semua kerja – kerja pembuatan dan baikpulih hendaklah dibuat di premis yang beralamat seperti di bawah:-

- i) **Lot 8007, Bukit Cerakah, Seksyen U6, 40150 Shah Alam, Selangor;**
- ii) **Lot 7392, Lorong Ciku, Bukit Cherakah, 40150 Shah Alam, Selangor;**
- iii) **Atau di tempat pemilik jentera tersebut.**

- ix. Adalah diingatkan bahawa kerja-kerja pembuatan dan baikpulih di premis baru hendaklah mendapat kebenaran daripada Jabatan ini terlebih dahulu.
- x. Pihak tuan mestilah mematuhi semua kehendak-kehendak Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa.

4. Pihak tuan hendaklah memohon pembaharuan pendaftaran dengan Jabatan ini **sekurang – kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh tamat tempoh kelulusan.

5. Perlu diingatkan bahawa kebenaran ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat Jabatan ini tidak dipenuhi.

6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam **masa empat belas (14)** hari dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(IR HAJI MOHD HATTA BIN ZAKARIA)**  
Pengarah Bahagian Keselamatan Industri,  
b/p Ketua Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,  
Malaysia.

s.k : Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Negeri

Ketua Seksyen Rekabentuk  
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Ibu Pejabat

Fail Timbul